

**NILAI UNIVERSAL DAN HUBUNGANNYA DALAM SYARIAT MENURUT  
 PERSPEKTIF MAQASID AL-SHARI'AH**

*The Universal Value And Its Relation With Syariah In Maqasid Al-Shari'ah  
 Perspective*

Muhammad Safwan Harun<sup>i</sup> Luqman Haji Abdullah<sup>ii</sup> & Muhamad Ikhlas Rosele<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pelajar Pascasarjana (Ph.D), Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. [safwanharun@gmail.com](mailto:safwanharun@gmail.com) Jawatan, Institutusi, alamat. emel@emel.com

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. [luqmanabdullah@um.edu.my](mailto:luqmanabdullah@um.edu.my)

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. [ikhlas@um.edu.my](mailto:ikhlas@um.edu.my)

Article Progress

Received: 9 September 2018

Revised: 9 December 2018

Accepted: 18 december 2018

Abstrak	Abstract
<p><i>Maqasid al-shari'ah kian kedengaran dalam perbahasan yang berkait langsung dengan Islam. Maqasid al-shari'ah diletakkan di hadapan tanpa pengawasan nas dalam membuat sebarang pertimbangan untuk kesejahteraan hidup masyarakat lebih-lebih lagi menyentuh isu sosial. Situasi bertambah kritikal apabila sesetengah pihak memahami bahawa Islam adalah nilai dan bukan lagi sistem kehidupan (way of life) atau al-din. Dengan sebab itu, terdapat banyak penulisan yang berpendapat Islam wujud di negara-negara maju seperti Eropah tetapi tidak kelihatan Muslim di sana disebabkan terdapatnya nilai Islam seperti menerapkan nilai kebebasan, menegakkan nilai keadilan, memelihara hak asasi sosial dan sebagainya. Sedangkan nilai-nilai ini turut wujud dalam agama-agama lain. Justeru, kajian ini dihasilkan bagi</i></p>	<p><i>Term of maqasid al-shari'ah is increasingly heard in debates related to Islam. Maqasid al-shari'ah has come on the stage in making any considerations of well-being especially related to social issues. The situation turns more critical when some parties see that Islam is a value rather than a way of life (al-nafs) or al-din. Therefore, there are many literatures stated that Islam exists in modern countries like Europe but no Muslims there because of the existence of Islamic values such as freedom, justice, social rights and so on. These values are actually also could be found in other religions and ideologies. Hence, this study was developed to explain the true concept of maqasid al-shari'ah and to evaluate its relationship with the syariah. Therefore, in order to accomplish these objectives the study will use a mixed method in the data collection and analysis</i></p>

<p>menjelaskan konsep sebenar <i>maqasid al-shari'ah</i> serta menilai hubungannya dengan syariat Islam yang syumul. Oleh itu, bagi menyelesaikan objektif-objektif tersebut kajian akan menggunakan metode campuran dalam proses pengumpulan dan analisis data. Dapatan awal menyimpulkan, <i>maqasid al-shari'ah</i> bukanlah elemen yang membezakan antara agama-agama tetapi syariah yang terkandung dalam agama Islam bagi mencapai <i>maqasid al-shari'ah</i> tersebut menjadi pemisah antara Islam dan sebaliknya.</p> <p><b>Kata kunci:</b> <i>Maqasid al-shari'ah</i>, nilai, kebebasan, keadilan, hak asasi, hubungan</p>	<p>process. Early conclusion find that <i>maqasid al-shari'ah</i> is not an element that distinguishes between religions but the Shariah itself contained in Islam becomes referee.</p> <p><b>Keyword(s):</b> <i>Maqasid al-shari'ah</i>, value, freedom, justice, human rights, relation.</p>
---	--

## PENDAHULUAN

Nilai-nilai universal seperti keadilan, kesamarataan, kebebasan dan seumpamanya sering digunakan sebagai alasan untuk mencabar autoriti syariah yang sedia ada di Malaysia. Misalnya, Joint Action Group For Gender Equality (JAG) tidak bersetuju dengan ketetapan bertudung kerana menyekat kebebasan kaum wanita (Adib, 2015). Dengan nilai kebebasan juga, Gabungan Ngo-Ngo Hak Asasi Manusia (Comango) menuntut kerajaan Malaysia menandatangani beberapa tuntutan seperti International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR) yang mengandungi hak kebebasan memilih agama (Utusan Online, 2014). Selain itu, atas nama menjaga maruah (dignity) terdapat fatwa yang mengharuskan anak luar nikah dibinkan dengan bapanya tanpa menilai *ma'alat* terhadap *masalah* institusi keluarga dan masyarakat yang lebih dominan (FMT, 2017). Maka tidak hairan, sekiranya umat Islam tidak lagi berminat untuk meninggikan intipati syariah samada dalam bidang perundangan, pengurusan harta, pentadbiran keluarga dan sebagainya sekiranya nilai-nilai tersebut telah berjaya disuburkan sekalipun berpaut dengan ideologi selain Islam (Astro Awani, 2018).

Faktor utama terbitnya pandangan-pandangan sebegitu adalah disebabkan oleh kegagalan memahami *maqasid al-shari'ah* yang sebenar di sebalik setiap pensyariatan. *Ma'na kulli* yang terkandung dalam *maqasid al-shari'ah* seperti *al-hurriyah* (kebebasan), *al-'adalah* (keadilan), *al-wasatiyyah* (moderat) dan sebagainya tidak berjaya direalisasikan dengan pengabaian nas *juz'i*. Oleh kerana itu, nas *juz'i* dan *maqasid al-shari'ah* ini hendaklah selari dan saling melengkapi (al-Qaradawi, 2012).

Konflik tersebut adalah hasil perbezaan pendekatan *maqasid al-shari'ah* antara golongan Islamis dan Liberal yang boleh dilihat daripada beberapa sudut.

Pertama, dari segi tujuan golongan Islamis menggunakan *maqasid al-shari'ah* adalah untuk mendalami syarak serta menghubungkan antara nas juz'i dan prinsip-prinsip umum syariah. Namun begitu, bagi golongan liberal pemakaian *maqasid* di sisi mereka menjurus kepada perubahan hukum Islam untuk disesuaikan dengan hak asasi manusia menurut acuan barat. Kedua, metodologi *maqasid al-shari'ah* menurut acuan sebenar diambil daripada nas melalui kaedah ta'lil dan istiqlal nas (Nu'man, 2002) sementara golongan liberal hanya mencabut prinsip hak asasi menurut pengertian barat dan disesuaikan dengan prinsip umum syariah (Sayuti & Anuar, 2016). Ketiga, kedudukan *maqasid al-shari'ah* sentiasa di belakang nas syarak atau penjelas ketika berlaku pertembungan antara nas juz'i tetapi menurut golongan liberal nas juzi akan diabaikan dengan alasan memelihara *maqasid al-shari'ah* secara mutlak sekalipun nas juzi yang qati'i sifatnya (Sayuti & Anuar, 2016). Maka jelas bahawa, *maqasid al-shari'ah* mampu memainkan dua peranan samada mengukuhkan intipati syariah Islam atau digunakan sebagai alat untuk merosakkan syariah sepertimana yang disebutkan oleh al-Buti (1973) di mana peranan kedua tersebut turut melanda orang mukmin yang terpengaruh dengan ideologi liberal moden melalui doktrin *al-maqasid al-mauhumah* (Nur al-Din, 2016).

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi merungkai konsep *maqasid al-shari'ah* yang sebenar disamping menjelaskan kedudukannya di sebalik setiap pensyariaan. Dalam ibarat yang lebih mudah, artikel ini turut menjelaskan salah faham yang berdiri di atas slogan "asal mencapai matlamat" tanpa melalui kaedah dan jalan yang diharuskan oleh syariah. Justeru, amat penting untuk menilai hubungan *maqasid al-shari'ah* dengan syariah.

## PENGERTIAN MAQASID AL-SHARI'AH DALAM HUKUM ISLAM

Istilah *maqasid* terbentuk dari perkataan *qasada*, *yaqsudu*, *qasdan* yang memiliki beberapa makna dari segi bahasa iaitu *istiqamah al-tariq* (istiqamah di atas jalan), *al-'adl* (adil), dan (*ityan al-shai'*) mendatangkan sesuatu ('Abd al-Karim, 2014). Sementara dari segi istilah, *maqasid al-shari'ah* telah diberikan definisi yang pelbagai oleh sarjana di zaman awal sehingga di zaman ini. Namun, menurut beberapa sarjana seperti Husni Khairi Taha (2017), al-Raisuni (1995), Faruq Salami (2012) dan Yusuf 'Abdullah (2013) tiada pentakrifan *maqasid al-shari'ah* yang jelas dari ulama di zaman silam. Antara pengertian *maqasid al-shari'ah* dari segi terminologinya ialah (al-Raisuni, 1995);

الغايات التي وضعت الشريعة لأجل تحقيقها لمصلحة العباد

Terjemahan: Tujuan-tujuan yang ditentukan oleh syariat dengan tujuan merealisasikan masalah hamba

Sekiranya dilihat secara kolektif definisi-definisi tentang *maqasid al-shari'ah* yang diutarakan oleh sarjana seperti Ibn 'Ashur (2001), 'Alal al-Fasi (1993) dan al-Raisuni (1995) dalam karya mereka, dapat disimpulkan bahawa *maslahah* hamba menjadi intipati yang utama dalam takrifan mereka. Namun, sewajarnya satu

dimensi lain dalam perbincangan takrif sepatutnya turut diberikan perhatian supaya nas juzi tidak diabaikan. Menurut Ismail al-Husni (2013), aspek khitab daripada makna nas serta pendalilan sighth melalui uslub Bahasa Arab perlu diberikan penelitian supaya *maqasid al-shari'ah* benar-benar dapat dicapai dan melalui cara yang digariskan syarak. Ianya penting kerana menurut Ibn Bayyah (2012) pendalilan Bahasa Arab boleh difahami dari pelbagai dimensi seperti tafsiran perkataan seerti, lafaz larangan yang membawa maksud haram dan makruh, lafaz wajib yang mengandungi makna wajib dan sunat dan seumpamanya. Melalui penguasaan khitab ini, sesuatu tuntutan yang mengandungi sebaliknya *maqasid al-shari'ah* dapat direalisasikan. Misalnya, pengharaman khinzir bukanlah hanya pada dagingnya seperti yang terkandung dalam al-Quran (al-Maidah:3) tetapi menurut pengertian Bahasa Arab istilah daging merangkumi daging dan lemaknya sekali (al-Shatibi, 1997). Justeru, ia menafikan kekeliruan dalam persoalan keharusan memanfaatkan lemak daging khinzir (Wifaq Mokhtar, 2018).

Di samping itu, timbul satu wacana yang menarik tentang kelahiran ilmu *maqasid al-shari'ah* dari segi pelopornya dalam khazanah ilmu Islam. Menurut Ridzwan Ahmad (2018), golongan al-Syafi'iyyah merupakan golongan awal mewacanakan *maqasid al-shari'ah*. Pandangan ini turut dikuatkan lagi dengan kajian yang dihasilkan oleh Wifaq Mokhtar (2013) yang menyebutkan bahawa kelahiran ilmu *maqasid al-shari'ah* adalah selari dengan penulisan *usul al-fiqh* yang terawal dihasilkan oleh al-Syafi'i. Sekalipun, ramai sarjana kini yang mengiktiraf ilmu ini dimulakan oleh golongan Malikiyyah dengan berhujahkan karya *al-Muwafaqat* oleh al-Shatibi, sebuah kitab lengkap mengandungi intipati *maqasid al-shari'ah* namun hakikatnya karya ini adalah pelengkap kepada idea-idea asas yang dicetuskan perbincangan asasnya oleh ulamak Syafi'iyyah. Dalam hal ini, al-Yubi (1998) menyebutkan bahawa al-Shatibi telah terkesan dengan ulama aliran Syafi'iyyah terutamanya al-Ghazali dan 'Izz al-Din 'Abd al-Salam. Pengaruh Syafi'iyyah dalam pemikiran *maqasid al-shari'ah* al-Shatibi dapat dikesan apabila beliau masih mengekalkan beberapa elemen ilmu kalam sebagaimana yang dimulakan lebih awal oleh al-Ghazali (Khalif, 2018; Ridzwan & Zakirullah, 2017). Di samping itu, sekalipun al-Shatibi disebutkan sebagai *mubtadi'* kerana membentangkan perbahasan *maqasid al-shari'ah* dalam bentuk yang terasing daripada ilmu *usul al-fiqh* (al-'Abidi, 1992), namun harus diingat bahawa terdapat kemungkinan berlakunya penyerapan idea daripada 'Izz al-Din 'Abd al-Salam kerana ulamak tersebut lebih awal membincangkan secara terasing antara *maslahah* dan *usul al-fiqh* dalam karyanya *Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam* (1991). Dakwaan tersebut dapat dikukuhkan lagi dengan meneliti salasilah perguruan antara 'Izz al-Din 'Abd al-Salam dan al-Shatibi di mana salah seorang guru al-Shatibi iaitu al-Maqari merupakan anak didik kepada murid 'Izz al-Din 'Abd al-Salam iaitu al-Qarrafi (Jeffri, 2017). Justeru itu, wacana *maqasid al-shari'ah* yang dikembangkan oleh al-Shatibi masih berpaksikan kepada asas yang dibangunkan oleh golongan al-Syafi'iyyah dan ianya boleh dilihat melalui aspek

perbincangan seperti elemen *daruriyyat al-khamsah*, susunannya, pembahagian peringkat *maslahah* dan beberapa aspek lain.

Kesimpulannya, *maqasid al-shari'ah* adalah tujuan syarak yang ditentukan oleh nas syarak dalam setiap pensyariatan hukum Islam untuk merealisasikan *maslahah* kepada umat manusia.

## ANALISIS HUBUNGAN MAQASID AL-SHARI'AH (NILAI) DENGAN SYARIAH

### 1- Syariah Perlu Dilaksanakan Untuk Mencapai *Maqasid Al-Shari'ah*

Syariah adalah jalan yang lurus menuju kejayaan (al-Qurtubi, 2006) yang disediakan oleh agama untuk mencapai kemaslahatan para hamba dalam segenap kehidupan samada dalam skop ibadat, muamalat, mahupun akhlak. Dalam erti kata lain, nilai mahupun *maqasid al-shari'ah* yang ingin dikecapi akan diperolehi setelah syariat tersebut dilaksanakan. Perkara ini telah disebutkan oleh al-Buti dalam karyanya *Dawabit al-Maslahah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah* (1973) bahawa *maslahah* itu ialah sesuatu yang mengikutinya bukan diikutinya. Dalam hal ini, para sarjana yang berijtihad atas dasar perubahan tempat dan zaman semata-mata dengan alasan merealisasikan *maslahah* tidak menyedari bahawa perubahan sesuatu hukum turut berlaku disebabkan oleh kerosakan sistem kerana tidak dihayati dan diamalkan oleh umat Islam dengan baik (al-Buti, t.t). Misalnya, kebebasan wanita dalam dunia pekerjaan diberikan seluas-luasnya pada hari ini tanpa mengambil perhatian awlawiyyatnya sebagai seorang isteri dan ibu. Pemikiran ini juga dilahirkan hasil daripada meletakkan *maslahah* ekonomi keluarga di hadapan tanggungjawabnya yang lebih utama selaku surirumah dan penjaga anak-anaknya. Tanpa sedar beliau telah diikat dengan undang-undang pekerjaan yang menuntut masanya yang lebih banyak sehingga mengundang pengabaian tanggungjawabnya yang lebih utama terhadap suami dan anak-anak. Sedangkan syariat Islam tidak menghalang pekerjaan dalam kalangan wanita bahkan menggariskan panduan tertentu dan syarat-syarat yang wajib dipatuhi supaya awlawiyyatnya tidak terabai di samping dapat membantu suami dalam mencari nafkah (al-Buti, t.t). Justeru, nilai kebebasan dalam Islam mempunyai limitasi yang digariskan oleh syariat yang menjurus ke arah pencapaian *maqasid al-shari'ah* dalam agama dan ianya tidak boleh diceraikan.

### 2- Perbezaan Antara Agama Berlaku Disebabkan Faktor Syariah Bukan *Maqasid Al-Shari'ah*

Hakikat bahawa agama Islam tidak berbeza dengan agama lain dengan faktor *maqasid al-shari'ah* perlu disedari oleh semua pihak. Perkara ini telah diberitakan lebih awal oleh al-Ghazali (t.t) ketika menyentuh perbincangan *maqasid al-shari'ah* sebagaimana berikut;

وتحريم تفويت هذه الاصول الخمسة والزجر عنها يستحيل ان لا تشمل عليه ملة من الملل، وشرعية من الشرائع التي اريد بها اصلاح الخلق

*Terjemahan: Pengharaman menggugurkan lima usul ini (agama, nyawa, akal, keturunan dan harta) dan menghalang pencapaiannya mustahil tidak dipelihara oleh semua agama dan semua syariat yang menginginkan kebaikan dalam kehidupan*

Al-Shatibi turut menyebutkan hal yang sama melalui ibarat yang berbeza (al-Shatibi, 1997) tentang realiti ini. Daripada kenyataan tersebut, kajian menyimpulkan bahawa ianya bertujuan untuk mencegah salaf faham di samping memelihara kesucian agama Islam daripada dilihat sama taraf dengan agama lain (sekularisme) disebabkan faktor nilai yang turut terkandung dalam ajaran agama lain. Di samping itu, kenyataan tersebut juga dapat diperkuatkan lagi kebenarannya bilamana Allah s.w.t menceritakan tentang syariah yang menjadi faktor pembeza antara agama dalam firmanNya;

فَاحْكُم بِيَوْمِهِمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ عَمَّا جَاءَكَ مِنْ  
أَلْحَقِّ لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْ هَاجَاتٍ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ  
أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ عَلَيْهِ

*Terjemahan: Maka putuskanlah perkara mereka menurut apa yang Allah turunkan dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu. Untuk tiap-tiap umat di antara kamu, Kami berikan peraturan dan jalan yang terang. Sekiranya Allah menghendaki, nescaya kamu dijadikan-Nya satu umat (sahaja), tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap pemberian-Nya kepadamu*

Al-Maidah: 48

Perkara tersebut dapat dijelaskan lagi melalui isu dalam menentukan kaedah terbaik bagi menjaga nilai kehormatan diri baik lelaki mahupun wanita (Atirah, 2017). Barat mendatangkan solusi dengan memperkenalkan sex education (pendidikan seks) yang masih berada dalam polemik silibus pengajaran untuk mencapai matlamat tersebut (Victor & Sarah, 2014). Ianya tidaklah bersalahan dengan norma Islam secara keseluruhannya bahkan mungkin termasuk dalam satu juzuk dari syariah Islam sendiri. Namun melalui syariah, umat Islam telah diberikan panduan yang jelas untuk menjauhi, menangani bahkan mengubati setiap pencabulan terhadap nilai kehormatan. Kaedah tersebut dilaksanakan dengan larangan daripada menghampiri zina (al-Isra', 32) melalui panduan seperti tidak berkhalwat antara lelaki dan wanita, menjaga batasan aurat, menjaga pergaulan dan sumpamanya. Sekiranya masih berlaku pencabulan tersebut dalam bentuk zina, syariah menyediakan hukuman sebagai pencegahan daripada penularannya di samping memberi dididikan terhadap pelaku jenayah tersebut ('Ali, 1433H). Bagi meraikan keinginan nafsu manusia antara lelaki dan wanita, syariah turut menyediakan solusi melalui perkahwinan yang menepati syarat dan rukunnya. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa mana-mana agama turut

memelihara nilai mahupun elemen *maqasid* tetapi berbeza dari segi jalan ke arah menjayakannya. Dalam hal ini, sudah tentulah Islam menyediakan landasan yang terbaik berbanding agama dan ideologi yang lain.

### 3- Beramal Dengan *Maqasid Al-Shari'ah* Dan Mengabaikan Syariah Sebuah Pendekatan Yang Menghancurkan Agama

Mutakhir ini, paradigma berfikir yang meletakkan objektif secara bebas di hadapan dalam persoalan agama khususnya akan mengundang bencana kepada agama. Golongan ini diistilahkan oleh al-Qaradawi (2012) sebagai *al-Mu'attilah al-Judud* di mana mereka mengabaikan nas dan berpegang kepada *maqasid al-shari'ah* dan *maslahah* semata-mata. Pemikiran sebegini terbentuk dengan tiga faktor utama iaitu kejahilan terhadap syariah, tergesa dalam mengemukakan pendapat dan cenderung mengikut ideologi barat (al-Qaradawi; 2012). Asas pemikiran begini ternyata terpesong daripada kebenaran agama kerana pencapaian objektif tidak diharuskan dengan *wasilah* yang salah. Perkara ini dapat dijelaskan melalui kaedah feqah yang menyebutkan;

الغاية لا تبرر الوسيلة

*Terjemahan: Matlamat (objektif) tidak menghalalkan cara*

Corak pemikiran seperti ini akan menjurus kepada keharusan sesuatu yang telah ditetapkan hukumnya dalam agama tanpa mengira batas qat'i dan zonni, *tawabit* dan *mutaghayyirat* hanya bersandarkan kepada *maqasid al-shari'ah* (Wan, Abdul, Zulkifli, Anas & Hasanuddin, 2018). Misalnya, dalam pembahagian harta pusaka antara lelaki dan wanita sewajarnya sama kerana Islam tidak mengamalkan sikap racist terhadap mana-mana gender. Ia menepati prinsip keadilan yang dibawa oleh syariah Islam menurut sebahagian pihak (al-Buti, t.t). Sedangkan dalam isu ini, *maqasid* keadilan Islam hanya dapat difahami dengan memperhalusi tanggungjawab antara lelaki (bapa, suami, anak lelaki) dan wanita dalam institusi keluarga di mana golongan lelaki diberikan satu tanggungjawab nafkah yang berat untuk menjaga wanita (al-Buti, t.t; al-Qaradawi, 2012). Di samping itu, syariah telah menggariskan secara qat'i nisbah pembahagian tersebut berdasarkan firman Allah berikut;

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي َوَاوَلِدِكُمْ َوَلِلذَّكَرِ مِثْلُ لِحَظِّ الْاُنثَى َوَن َع

*Terjemahan: "Allah mensyariatkan (mewajibkan) kepada kalian tentang (pembagian warisan untuk) anak-anak kalian, (iaitu) bahagian seorang anak lelaki sama dengan dua bahagian anak perempuan...."*

Al-Nisa': 11

Justeru, dalam meraikan *maqasid al-shari'ah* dan *maslahah* ketetapan syariah perlu diutamakan bagi mencegah perubahan agama Islam yang hak.

### 4- Pengamalan Syariah Islam Menjamin Kejayaan Di Dunia Dan Akhirat

Kegagalan menghayati syariah Islam secara komprehensif akan menjurus kepada budaya normalisasi dalam kalangan umat Islam terhadap penerimaan unsur-unsur yang bercanggah dengan syariah sekalipun dari satu sudut menyamai nilai syariah. Misalnya, keadilan menurut takrifan barat ialah kesamarataan bukan

meletakkan sesuatu pada tempatnya tanpa mengira minoriti dan majoriti, agama, bangsa, gender dan sebagainya (Taufiq, t.t). Masalah ini berlaku disebabkan faktor kejahilan umat Islam sendiri menghayati agama (al-buti, 2008) di samping penganutan mereka tanpa ruh (al-Buti, 2005).

Seperti yang telah dijelaskan, perbezaan antara agama tidak terletak pada nilai-nilai universal bahkan ia dijadikan simbul pertautan antara ideologi dan agama untuk kesepaduan rakyat di sesebuah negara. Namun, kaedah dan *wasail* ke arah nilai tersebut mestilah menurut pengisian syariah Islam yang syumul dan terbaik. Hal ini bersandarkan kepada beberapa dalil yang jelas naqli mahupun aqli antaranya;

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ آلِ إِسْمَاعِيلَ لَمْ دِينًا فَلَنْ يُقَبَّلَ مِنْهُ هُوَ فِي آلِ آخِرَةٍ مِنَ  
الْخُسْرَىٰ

*Terjemahan: Barangsiapa yang mencari selain Islam sebagai agama ia pasti tidak akan diterima dan dia di akhirat tergolong dalam kalangan orang yang rugi*

Al-Imran: 85

Di samping itu, elemen ruh tidak terdapat dalam mana-mana agama selain Islam. Janji Allah s.w.t terhadap ganjaran pahala bagi mereka yang melaksanakan kebaikan dan sebaliknya dosa bagi yang meninggalkan suruhan dan melanggar larangan adalah sebuah manifestasi yang pasti berlaku. Sebagaimana firman Allah s.w.t;

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً  
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

*"Barang siapa mengerjakan kebajikan, baik laki-laki maupun perempuan, dalam keadaan beriman, pasti akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan akan Kami berikan balasan dengan pahala yang lebih baik daripada apa yang telah mereka kerjakan."*

Al-Nahl: 97

Pertautan antara syariah dan *maqasid al-shari'ah* yang juga turut disebut nilai oleh sesetengah pihak amat kuat dan tidak dapat diasingkan. Ianya didokong oleh perbahasan hubungan antara *maqasid al-shari'* dan *maqasid al-mukallaf* yang diperincikan perbincangannya oleh al-Shatibi. Menurut beliau, kehendak mahupun tujuan manusia melakukan sesuatu perbuatan diikat dengan objektif syarak dan bukannya mengikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata (al-Shatibi, 1997). Namun, pertalian antara dua *maqasid* tersebut kurang diberi perhatian kerana perbahasan dalam kalangan sarjana Islam kini hanya memfokuskan kepada dimensi *masalah* dengan mengabaikan aspek khitab dan meninggalkan perbincangan *maqasid al-mukallaf* (Bu'ud, 2008).

## KESIMPULAN



Islam pada hari ini telah diserang dari pelbagai sudut dan ianya berlaku tanpa disedari oleh penganutnya sendiri. Serangan pemikiran (*ghazzwah al-fikr*) adalah serangan yang paling berkesan dengan pembawaan ideologi liberalisme, sekularisme, pluralisme dan sebagainya. Perkara ini bukanlah suatu yang janggal kerana janji Allah yang bermaksud “*Yahudi dan Nasrani tidak akan pernah reda kepada umat Islam sehinggalah agama (ajaran) mereka diikuti*” (al-Baqarah, 120) sesuatu yang pasti berlaku. Dengan alasan Islam adalah nilai, ianya telah mendedahkan agama kepada perubahan tanpa mengikut petunjuk nas di mana ia dimulai dengan penafsiran nas tanpa sebarang dawabit. Justeru, agama Islam mestilah dipelihara seiring antara dua elemen yang utama iaitu syariah dan *maqasidnya*.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Karim Banani. (2014). *al-Ijtihad al-Maqasidi ‘Inda Malikiyyah al-Andalus*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- ‘Alal al-Fasi. (1993). *Maqasid al-Shari’ah al-Islamiyyah wa Makarimuha*. ed. ke-5. t.tp: Dar al-Gharb al-Islamiy.
- ‘Ali Hammad. (1433H). *‘Alaniyah Tanfiz al-‘Uqubat wa Atharuha fi al-Zajr wa al-Rad’u: Dirasah Muqaranah Baina Fiqh wa al-Nizam*. Disertasi master yang tidak diterbitkan, Jami’ah al-Imam Muhammad Sa’ud al-Islamiyyah, Sa’udi Arabia.
- Abu ‘Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakar al-Qurtubi. (2006). *al-Jami’ li Ahkam al-Quran*. ed. ‘Abdullah bin ‘Abd al-Hasan. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abu Hamid Muhammad al-Ghazali. (t.t). *al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*. ed. Hamzah Zuhair Hafiz. t.tp: Shirkah al-Madinah al-Munawwarah.
- Abu Ishak Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Lukhmi al-Shatibi. (1997). *Al-Muwafaqat*. ed. Abu ‘Ubaidah Mashur bin Hasan Ali Salman. Saudi: Dar Ibn ‘Affan.
- Ahmad al-Raisuni. (1995). *Nazariyah al-Maqasid ‘Inda al-Imam al-Shatibi*. cet. ke-4. Herndon: al-Ma’had al-‘Alami lilfikri al-Islami.
- Ahmad Bu’ud. (2008, Mac). al-Taklif al-Shar’i wa al-Suluk al-Maqasidi. *al-Muslim al-Mu’asir* 127.
- Ahmad Wifaq Mokhtar. (2018). *Maqasid al-Shari’ah Menurut Imam al-Syafi’i*. Seminar Asas *Maqasid al-Shari’ah*, UniSZA.
- Ahmad Wifaq Mukhtar. (2013). *Maqasid al-shari’ah ‘Inda al-Imam al-Syafi’e*. Qaherah: Dar al-Salam.
- Astro Awani. (2018). *Diskusi 100 Hari Malaysia Baharu*. Diambil daripada <https://www.youtube.com/watch?v=mLLs3bekYyE>.
- Faruq Salami Suzai. (2012). *Nazariyat Maqasid al-Shari’ah ‘inda al-Imam al-Ghazali: Ru’yah Tahliliyah lifahmi al-Nusus al-Quraniyyah*. *al-Majalah al-‘Alamiyah libuhuth al-Quran* 2, no. 2.

- FMT Reporters. (2017). *Larangan 'bin Abdullah': Mufti Perlis Sambut Baik Keputusan Mahkamah*. Diambil daripada <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/07/29/larangan-bin-abdullah-mufti-perlis-sambut-baik-keputusan-mahkamah/>.
- Hammadi al-'Abidi. (1992). *al-Shatibi wa Maqasid al-Shari'ah*. Beirut: Dar Qutaibah.
- Husni Khairi Taha. (2017). *Maqasid al-Shari'ah wa Taf'ilaha al-'Imadah*. al-Qaherah: Dar al-Kalimah.
- Ibn Bayyah. (2012). *Mashahid min Maqasid*. ed. ke- 3. al-Riyadh: Dar al-Tajdid.
- Ismail al-Husni, *Maqasid al-Shari'ah wa Asilah al-Fikr al-Maqasidi: Dirasah fi Asilah al-Tadqiq al-Maslahi wa al-Taudif al-Manhaji* (al-Ribat: Markaz al-Dirasat wa al-Abhath wa Ihya' al-Turath, 2013).
- Khalif Muammar A Harris. (2018). *Kedudukan Ilmu Kalam dalam Ilmu Maqasid al-Shari'ah: Sanggahan Terhadap Wacana Maqasid Neo Modernis*. UniSZA, Seminar Asas *Maqasid al-Shari'ah*. UniSZA.
- Mohammad Taufiq Rahman. (t.t). *Social Justice In Western and Islamic Thought (A Comparative Study of John Rawls's and Sayyid Qutb's Theories of Social Justice)*. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhamad Sayuti Mansor dan Mohd Anuar Ramli. (2016). *Pendekatan Pseudo-Maqasid dalam Aliran Hukum Islam Semasa dalam Maqasid al-Shari'ah: Aplikasi dalam Aspek Sosial Dan Perundangan*. ed. Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli dan Shahidra Abdul Khalil. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul.
- Muhammad 'Izz al-Din 'Abd al-'Aziz ibn 'Abd al-Salam. (1991). *Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. ed. Taha 'Abd al-Rauf Sa'ad. al-Qaherah: Maktabah al-Kulliyah al-Azhariyyah.
- Muhammad Sa'id bin Ahmad bin Mas'ud al-Yubi. (1998). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah wa 'Alaqtuha bi al-Adillah al-Shar'iiyyah*. al-Riyadh: al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah.
- Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. (1973). *Dawabit Maslahah fi Syariah al-Islamiyyah*. Damsyik: Muassasah al-Risalah.
- Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. (2005). *Mukhtarat min Khutba al-Jum'ah* Damsyik: Dar al-Fikr.
- Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. (2008). *Wa Hazihi Mushkilatuna*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. (t.t). *al-Mar'ah Baina Tughyan al-Nizam al-Gharbi wa Lataif al-Tashri' al-Rabbani*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Muhammd al-Tahir bin 'Ashur. (2001). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. ed. Muhammad al-Tahir al-Misawi. al-Urdun: Dar al-Nufais.
- Nu'man Jughaim. (2002). *Turuq al-Kashfi 'an Maqasid al-shari'*. al-Urdun: Dar al-Nufais.
- Nur al-Din Mokhtar al-Khadimi. (2016). *Muqtatafat Min Maqasid al-Quran al-Karim: Nahwu Rukyah Mu'arrafiyyah wa Manhajiyyah dalam Maqasid al-*

- Quran al-Karim: Majmu'ah Buhuth. ed. Muhammad Salim al-'Awwa. London: Muassasah al-Furqan li Turath al-Islami.
- Ridzwan Ahmad dan Ahmad Zakirullah Mohamed Shaarani. (2017). Takhrij al-Furu' 'Ala al-Usul Dalam Pengisbatan Hukum Syarak: Sorotan Sejarah Hukum Islam. *Jurnal al-Tamaddun* v. 12, no. 2.
- Ridzwan Ahmad. (2018). Konsep Masalahah dan Mafsadah dalam Maqasid al-Shari'ah: Antara Syaf'iyyah dan Malikiyyah. Seminar Asas Maqasid al-Shari'ah, UniSZA.
- Strasburger, Victor & S Brown, Sarah. (2014). Sex Education in the 21st Century. *The Journal of the American Medical Association*.
- Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar. (2017). *Analisis Perbandingan Antara Pemikiran Ibn 'Abd al-Salam (M660H) dan al-Shatibi (M790H) Tentang Teori Bid'ah*. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Utusan Online. (2014). *Kerajaan Bertegas Tolak Tuntutan Comango*. Diambil daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20140321/dn\\_14/Kerajaan-bertegas-tolak-tuntutan-Comango](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140321/dn_14/Kerajaan-bertegas-tolak-tuntutan-Comango).
- Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Wahab Md Ali, Zulkifli Mohamad, Anas Mohd Yunos dan Hasanuddin Mohd. (2018). Pemikiran Maqasid Shariah: Satu Telahan Terhadap Indikator Kekeluargaan Islam Kontemporari. Seminar Asas *Maqasid al-Shari'ah*. UniSZA.
- Yusuf 'Abdullah Hamitu. (2013). *Takwin Malakah al-Maqasid: Dirasah Nazariyah li Takwin al-'Aql al-Maqasidi*. Beirut: Markaz Numa' li Buhuth wa al-Dirasat.
- Yusuf al-Qaradawi. (2012). *Dirasah fi Fiqh Maqasid al-Shari'ah Baina al-Maqasid al-Kuliyyah wa al-Nusus al-Juziyyah*. cet. Ke-4. al-Qaherah: Dar al-Shuruq.

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*